



PELAN HALA TUJU EKOSISTEM STARTUP MALAYSIA 2021 - 2030

MenJANA Masa
Depan Bersama

Isi

Kandungan

03	Prakata YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Syarikat Pemula Enjin Inovasi dan Ekonomi yang Mampan	15	2 Pemacu Utama
04	Prakata Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Memperkasa Industri Pemula (<i>Startup</i>)	17	3 Hasil Utama
05	Mentakrifkan Syarikat Pemula	18	4 Pihak Berkepentingan Utama
06	Malaysia: Ekosistem yang Berkembang Global	19	5 Penjana Ekosistem Utama
07	Cabaran Ekosistem Masa Kini	20	Pembiayaan
10	Bagaimana SUPER Dihasilkan?	22	Bakat
13	Hala Tuju yang Jelas	24	Inovasi
14	1 Wawasan: Antara 20 Ekosistem Syarikat Pemula Terbaik di Dunia Menjelang 2030	26	Dasar & Peraturan
		28	Ekosistem Pasaran
		30	10 Pencapaian Segera + 6 Intervensi Kritikal
		31	Haluan Impak
		32	Fasa Pelaksanaan
		33	Struktur Tadbir Urus
		34	Proses Penambahbaikan Berterusan
		35	Nota Akhir
		36	Bibliografi
		37	Pengiktirafan



YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Inovasi merupakan pemacu utama dalam mewujudkan peluang baru untuk menghasilkan nilai sosio-ekonomi yang lebih tinggi untuk masyarakat dan negara. Syarikat pemula telah merintis pelbagai inovasi teknologi terhebat dunia, selain meluaskan peluang pekerjaan jauh melebihi kemampuan perniagaan tradisional. Kepentingan syarikat pemula dalam era revolusi industri keempat telah diiktiraf dunia sebagai penjana ekonomi yang mampu membawa manfaat yang lebih luas kepada masyarakat.

Kini, nilai keseluruhan ekonomi syarikat pemula di dunia telah mencecah RM12.8 trilion (USD3 trilion). Ekosistem syarikat pemula Malaysia telah menyumbang sebanyak RM3.4 bilion kepada KDNK antara tahun 2008 sehingga 2016, menyediakan sebanyak 80,600 pekerjaan serta menarik sebanyak RM1.3 bilion dana swasta dan asing. Menjelang tahun 2030, syarikat pemula dijangka akan menyumbang sebanyak RM30.8 bilion kepada KDNK negara, iaitu peningkatan hampir 10 kali ganda.

Syarikat Pemula Enjin Inovasi dan Ekonomi yang Mampan

Tidak dinafikan, masih banyak yang perlu dilakukan untuk mengembangkan ekosistem syarikat pemula di Malaysia. Kisah yang boleh menjadi iktibar ialah Grab dan Carsome, kedua-duanya syarikat pemula teknologi kelahiran tempatan yang telah berjaya mencapai status unicorn, namun masing-masing melalui perjalanan yang berbeza. Kita seharusnya belajar dari pengalaman ini.

MOSTI akan memberi sokongan pada setiap peringkat perkembangan dan pertumbuhan syarikat pemula yang berpotensi. Ini termasuklah memperkemas rantai nilai pembangunan industri pemula, insentif untuk melonjakkan pasaran modal awam dan swasta, serta memberi sokongan padu bagi mengatasi cabaran dan kekangan yang menjadi penghalang kepada matlamat untuk berjaya.

MOSTI komited dalam memastikan program pembangunan syarikat pemula dilaksanakan dengan berkesan agar manfaatnya dapat dirasai oleh seluruh Keluarga Malaysia. Objektif ini termasuklah menjadikan Malaysia pilihan utama bagi para pengasas dan pereka inovasi untuk menubuhkan operasi mereka dalam negara. Ini akan menarik pelaburan dan modal teroka swasta dan luar negara, di samping menjamin kelestarian kekayaan masyarakat, dengan mencipta pekerjaan dan sumber pendapatan secara berterusan.

Beberapa pelan hala tuju dan rangka tindakan berlandaskan STI telah dan sedang digariskan oleh MOSTI sebagai panduan ke arah mencapai status negara berteknologi tinggi menjelang 2030, seiring dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

Selaras dengan ini, saya berbesar hati melancarkan **Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030**. SUPER dibangunkan dengan matlamat memacu transformasi Malaysia sebagai salah satu daripada 20 ekosistem syarikat pemula terbaik di dunia menjelang 2030. Fokus SUPER ialah untuk mewujudkan 5,000 syarikat pemula termasuk lima syarikat bertaraf unicorn menjelang 2025.

SUPER turut bermatlamat untuk meningkatkan KDNK negara, mencipta pekerjaan bernilai tinggi, dan meningkatkan pelaburan dalam bidang teknologi mendalam yang berimpak tinggi bagi negara. Syarikat pemula mampu merintis penyelesaian baru dan model perniagaan disruptif yang dapat meningkatkan kesejahteraan sosial dan memangkin ekonomi negara.

Mengambil kira kesan pandemik COVID-19 terutamanya kepada syarikat pemula, MOSTI akan memainkan peranan dalam usaha untuk menarik pelaburan swasta. MOSTI serta jabatan dan agensi di bawahnya memainkan peranan penting dari segi pembiayaan dan khidmat sokongan kepada syarikat pemula yang berkelayakan. MOSTI mengalu-alukan usaha untuk merencanakan pertumbuhan industri pemula tempatan melalui penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dengan memberi penekanan terhadap bidang penyelidikan dan pembangunan eksperimental.

MOSTI yakin SUPER akan memainkan peranan untuk menutup jurang dalam ekosistem syarikat pemula dan menyediakan asas yang kukuh untuk masa hadapan. Dengan kerjasama semua pihak berkepentingan, ia akan membawa kepada kejayaan.

Ayuh kita SUPERcharge masa depan bersama!

Sekian, terima kasih.



Ybhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan
Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(MOSTI)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berdepan dengan suasana yang semakin mencabar dan kompleks dalam merangka masa depan negara, yang akan memberikan kesan kepada rakyat Malaysia serta kedudukan negara di mata dunia - khususnya dalam membangunkan negara pasca pandemik COVID-19.

Menyedari tanggungjawab ini, MOSTI sedaya upaya berusaha merangka perancangan dengan lebih rapi bagi memastikan Malaysia mencapai potensi sepenuhnya.

Negara kita ialah sebuah “Keluarga Malaysia”, yang perlu dijaga dan dipelihara serta saling mendorong antara satu sama lain agar menjadi lebih baik.

Memperkasa Industri Pemula (*Startup*)

Berteraskan mandat mengaplikasikan teknologi bagi menyelesaikan cabaran yang dihadapi negara, MOSTI telah memulakan perjalanan dan perancangan ke arah negara yang berpaksikan teknologi dan inovasi sepertimana yang diharapkan oleh setiap rakyat Malaysia.

Kunci ke arah mencapai visi ini terletak pada *startup* – industri bernilai RM12.8 trilion (USD3 trilion) yang kini muncul sebagai penjana ekonomi dunia dan telah melahirkan pelbagai inovasi hebat yang menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita.

Selaras dengan dasar dan inisiatif negara untuk menjana inovasi berteknologi tinggi, mewujudkan pertumbuhan yang saksama untuk masyarakat dan membina sebuah negara berkeusahawanan menjelang tahun 2030, MOSTI telah merangka dan membangunkan sebuah pelan hala tuju bagi mencapai misi penting ini. Hasilnya, inisiatif yang dinamakan **Pelan Hala tuju Ekosistem Startup Malaysia 2021-2030 (SUPER)** diperkenalkan.

Dalam proses merangka dan membangunkan SUPER, MOSTI telah mengkaji kekuatan dan cabaran ekosistem *startup* Malaysia, membuat perbandingan dengan ekosistem berprestasi tinggi di dunia dan berunding bersama pemegang taruh/ pihak-pihak berkepentingan dalam ekosistem *startup* Malaysia.

MOSTI bertekad menjadikan SUPER sebagai nadi yang menghubungkan semua dasar sosio-ekonomi negara dan menerajui transformasi sosio-ekonomi Malaysia.

Dengan visi dan matlamat yang jelas untuk dicapai menjelang tahun 2030, pelan tindakan 10 tahun SUPER ini menggariskan 16 intervensi merentas 5 bidang utama, setiap satunya sejajar dengan dasar-dasar yang sedia ada, menjadikannya pelan induk yang komprehensif untuk masa hadapan bagi memperhebatkan ekosistem *startup* negara, melalui jalinan kolaborasi pihak berkepentingan utama.

MOSTI percaya dengan tindakan yang diambil ini, ia akan mewujudkan satu ekosistem teguh yang dapat mendorong *startup* berkembang maju dan akhirnya mewujudkan kemakmuran bersama, serta melahirkan warganegara yang berfikir digital dan juga bersemangat keusahawanan; satu aspirasi yang dikongsi bersama oleh dasar negara kita.

Sesungguhnya semua hasrat ini tidak akan dicapai dalam sekelip mata. Namun begitu, Malaysia kini berada di landasan yang tepat, dan semakin hampir dengan matlamat. Pelan Hala Tuju ini membantu memperjelaskan tindakan yang perlu diambil bagi tujuan penyelarasan semula dasar negara untuk memacu negara ke masa hadapan.

MOSTI berharap SUPER akan menjadi sebuah buku panduan yang dapat menggabungkan semua aspirasi negara dan menjadikannya sesuatu yang nyata, boleh dilaksanakan serta membuah hasil yang terulung.

Masa depan negara akan dikongsi bersama. Oleh itu, marilah kita bergerak seiringan ke arah wawasan yang diimpikan.

Sekian, terima kasih.



Jika anda membayangkan syarikat pemula (*startup*), apa yang muncul di fikiran anda?

Netflix? Facebook? Google? Uber? Carsome?

Semuanya bermula secara kecil-kecilan dan diterajui oleh pengasasnya. Kini, mereka merupakan syarikat berbilion dolar dengan produk dan perkhidmatan yang menjadi sebahagian daripada kehidupan kita.

Kesemua gergasi teknologi ini mempunyai satu ciri persamaan: mereka ingin mengubah dunia, didorongi azam yang berterusan untuk maju dan berkembang.



INOVATIF

Produk, perkhidmatan atau penyelesaian rintis yang berteraskan teknologi.




BERKEMBANG PESAT

Pantas dan mampu berkembang pesat (*scalable*); "Pantas bergerak, rempuh sesuatu."



PEROMBAK INDUSTRI

Produk, perkhidmatan atau penyelesaian tertumpu kepada cara baru untuk mengatasi masalah; mengubah kebiasaan dan mencabar perniagaan tradisional.



LENGKUNGAN J

Perkembangannya mengikuti trend lengkungan J, dengan kerugian pada permulaannya ("jurang kematian") dan diikuti kenaikan mendadak.

Syarikat Pemula vs Syarikat Teknologi atau Perniagaan

Walaupun terdapat pelbagai definisi syarikat pemula, MOSTI mentakrifkannya sebagai

"syarikat berasaskan teknologi atau inovasi yang berada di peringkat awal, dengan model perniagaan yang boleh diskalakan dan strategi perkembangan pesat." – MOSTI 2021



Syarikat Pemula?

Ya, jika anda ingin mencipta model perniagaan baru untuk produk atau penyelesaian rintis (perombak industri).



Adakah anda...

Syarikat Teknologi atau Perniagaan?

Ya, jika anda menggunakan model perniagaan yang telah terbukti, dan tertumpu kepada menjayakan pelaksanaannya. Contohnya, syarikat-syarikat seperti Samsung, HP dan Nokia.



Adakah syarikat saya sebuah syarikat pemula?

YA! Jika anda memenuhi ciri-ciri ini!

- ✓ Dibiaya sendiri, sama ada dengan keupayaan sendiri (*bootstrap*) ataupun dengan bantuan pelabur budiman (*angel investor*)
- ✓ Diterajui pengasas
- ✓ Mencipta model perniagaan baru yang boleh diskalakan

Malaysia: Ekosistem yang Berkembang Global

Malaysia merupakan lokasi ideal untuk percambahan syarikat pemula, dengan kos yang rendah, kualiti kehidupan tinggi, bakat progresif, kelulusan visa yang pantas, dan sokongan mantap daripada kerajaan – menjadikannya pilihan yang baik buat para pelabur.

Kita berada di sini



Peringkat Pengaktifan

Ekosistem yang terdiri daripada 1,000 syarikat pemula dan ke bawah, serta kurang berpengalaman. Ekosistem begini berada di peringkat paling awal dan baru menyedari potensi tinggi syarikat pemula.

<1,000

Peringkat Globalisasi

Ekosistem antara 800-1,200 syarikat pemula (mengikut saiz populasi). Syarikat pemula dalam ekosistem ini diiktiraf di peringkat serantau, dengan nilai mencecah USD100 juta, dan lebih berpengalaman.

800 - 1,200

Peringkat Tarikan

Ekosistem ini mempunyai lebih daripada 2,000 syarikat pemula, bertaraf global, dan menggunakan sumber global (*Global Resource Attraction*) untuk memperkembangkan saiz ekosistem serta mengatasi sebarang kekurangan. Ekosistem sebegini adalah utuh, semakin membangun, dan mampu menarik pemodal teroka dan para pelabur.

>2,000

Peringkat Integrasi

Ekosistem yang mempunyai lebih daripada 3,000 syarikat pemula, yang mandiri dan berjaya, serta memangkinkan perpindahan pengetahuan dan kekayaan. Ekosistem ini telah matang dan berkembang.

>3,000

BILANGAN SYARIKAT PEMULA

Kekuatan Kita

Indeks Ekonomi Platform Digital 2020

Malaysia 'Semakin Mendahului' (*Gainer*), menduduki tempat ke-2 di belakang Singapura (*Follower*) antara negara-negara Asia Tenggara. Kategori *Gainer* ditakrifkan sebagai "mempunyai teknologi digital yang baik di mana warganya adalah pengguna aktif, namun masih banyak aspek ekosistem keusahawanan digital yang perlu dimajukan."

Laporan Ekosistem Syarikat Pemula Global 2021

Malaysia antara **9 Nilai Ekosistem Tertinggi** dalam kumpulan ekosistem membangun, dan semakin maju dalam subsektor permainan digital dan teknologi kewangan (*fintech*).

Laporan Ekosistem Syarikat Pemula Global 2021

Malaysia berada di **tempat ke-21** daripada 100 Ekosistem Membangun Terbaik.

Indeks Keusahawanan Global 2021

Malaysia di tangga **ke-43 dalam Indeks Keusahawanan Global 2020**, di belakang Singapura (di tempat ke-27), namun mendahului Thailand (tempat ke-54), Indonesia (ke-74) dan Vietnam (ke-75); menaiki 15 anak tangga dari kedudukan ke-58 pada tahun sebelumnya.

Indeks Inovasi Global 2020

Malaysia ialah **Negara ke-2 Paling Inovatif** di Asia Tenggara.

Tracxn


Malaysia mempunyai **bilangan syarikat pemula ke-3 tertinggi** di Asia Tenggara.

Cabaran Ekosistem Masa Kini

Setiap perjalanan pasti ada rintangannya. Menafikan kewujudannya hanya akan menghambat kemajuan dan mengecewakan pihak-pihak yang terlibat. Walaupun kita masih mendahului di peringkat serantau, ekosistem kita masih belum mencapai tahap keutuhan dan keterangkuman yang diinginkan.

Dalam usaha kami untuk benar-benar memahami isu-isu dalam ekosistem ini, kami telah memohon maklum balas daripada 337 pihak berkepentingan yang merangkumi 209 responden awam. Kami telah bermesyuarat dengan 24 organisasi, dan menjalankan soal selidik serta rundingan meja bulat bersama para pemimpin industri.

Berdasarkan analisis kami, cabaran dan kekurangan dalam ekosistem syarikat pemula di Malaysia boleh dikategorikan mengikut 5 bidang utama, iaitu: **Pembiayaan, Bakat, Inovasi, Dasar & Peraturan, serta Ekosistem Pasaran (Market Environment)**.



Kekurangan pembiayaan sektor swasta

Usaha untuk menarik pelaburan swasta perlu dipertingkatkan lagi, sementara kerajaan memainkan peranan penting sebagai pelabur utama dengan memberikan pembiayaan terus kepada syarikat pemula.

Apakah maksudnya?

Pada masa ini, kerajaan menerusi pelbagai agensinya menawarkan bantuan pembiayaan secara langsung kepada syarikat pemula tempatan. Agensi-agensi ini termasuklah Cradle Fund, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), Malaysia Venture Capital Management (MAVCAP), Kumpulan Model Perdana (KMP) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).


Sejak Rancangan Malaysia Ke-9 hingga Ke-11, jumlah dana kerajaan yang telah diluluskan atau dilaburkan ke dalam 5 dana teknologi adalah RM1.31billion.⁽³⁾

Walaupun ini menunjukkan sokongan baik daripada syarikat modal teroka (VC) milik kerajaan, ia telah memainkan peranan sebagai penyumbang utama berbanding dengan pelaburan sokongan, seperti di negara-negara lain contohnya di United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS), Singapura dan Korea. Oleh itu, kesannya adalah berbeza.

Di negara-negara ini, kerajaan hanya bertindak sebagai sokongan sampingan bagi mengelakkan persaingan langsung dengan pemodal teroka dan pembiaya swasta.

Maka, kita harus berusaha untuk mengurangkan persaingan dengan pembiaya swasta, di samping menggalakkan pelaburan swasta dengan faktor-faktor penarik seperti pelepasan cukai dan geran padanan (*matching grants*). Ini bukan sahaja dapat meluaskan sumber pembiayaan untuk syarikat pemula, tetapi juga memastikan bahawa aktiviti pelaburan akan terus aktif di peringkat-peringkat seterusnya.

PEMBIAYAAN



2



BAKAT

Kekurangan bakat tempatan dan asing dengan kemahiran teknikal dan digital yang diperlukan

Bakat tempatan kurang berminda keusahawanan akibat kekhawatiran terhadap kegagalan, manakala pemberian visa untuk bakat asing kurang penilaian rapi.

Apakah maksudnya?

Antara penyebab kejatuhan Malaysia dari tangga ke-19 pada tahun 2016 ke tangga ke-27 pada tahun 2020 ialah saingan hebat dalam pasaran pekerjaan dunia dan kekurangan bakat dalam industri teknologi.⁽⁴⁾


Malaysia mendapat skor yang rendah untuk 'Sokongan Budaya', yang menunjukkan bahawa para usahawan tidak dipandang tinggi dalam masyarakat kita. Ia juga mungkin disebabkan oleh kebudayaan Asia di mana ibu bapa lebih cenderung kepada pekerjaan yang lebih tradisional dan 'stabil', sementara kegagalan dianggap menjatuhkan maruah.⁽⁵⁾

45% daripada warga Malaysia menyatakan bahawa mereka dapat melihat peluang yang baik, namun tidak akan menceburi bidang perniagaan kerana bimbang terhadap kegagalan.⁽⁶⁾

Tinjauan daripada Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) pula mendapati bahawa 75% daripada pelajar di Malaysia menunjukkan kebimbangan tentang tanggapan orang lain sekiranya mereka gagal, dan tidak mahu 'menjatuhkan air muka'.⁽⁷⁾

Bagi menarik bakat asing, undang-undang imigresen memainkan peranan penting. Negara-negara lain di seluruh dunia semakin banyak memperkenalkan visa dengan prasyarat ketat yang disasarkan untuk menarik bakat-bakat berkualiti. Namun, peraturan di Malaysia masih belum menetapkan syarat seperti pemilikan harta intelek (IP) yang terbukti ataupun pembiayaan yang terjamin bagi menapis kemasukan bakat-bakat asing. Oleh itu, kualiti bakat dan syarikat pemula yang menyertai pasaran tempatan pada masa ini tidak terjamin.

3



INOVASI

Tiada haluan jelas dari pembentukan idea kepada pengkomersialan

Syarikat pemula tidak dilengkapi dengan pengetahuan dan akses untuk memajukan produk mereka dari peringkat pembentukan idea kepada pengkomersialan.

Apakah maksudnya?

Malaysia telah meningkatkan hasil penyelidikan saintifik sebanyak 4.5 kali ganda dari tahun 2008 sehingga tahun 2018.⁽⁸⁾ Namun, hanya 8.3% daripada produk penyelidikan dan inovasi nasional yang dihasilkan antara Rancangan Malaysia ke-9 dan ke-10 akhirnya dikomersialkan.

Walaupun terdapat pelbagai usaha bagi meningkatkan kerjasama antara institusi pengajian dan pasaran, namun perjalanan dari peringkat penyelidikan kepada pengkomersialan masih kurang kesinambungan.⁽⁹⁾

Kajian menunjukkan bahawa syarikat pemula menerima sokongan dari peringkat awal pembentukan idea, namun pakar-pakar industri hanya terlibat pada peringkat akhir, yang menyebabkan ketidaksinambungan antara permasalahan dan penyelesaian yang dihasilkan.⁽¹⁰⁾

Pemilikan harta intelek (IP) yang rendah di kalangan syarikat pemula Malaysia juga menjejaskan potensi pelaburan. Penelitian kami mendapati bahawa cap dagangan merupakan jenis permohonan harta intelek yang tertinggi - sedangkan paten, hak cipta, dan rahsia perniagaan dianggap lebih 'bernilai' kepada para pelabur.⁽¹¹⁾

4



DASAR & PERATURAN

Kekurangan dasar dan peraturan utuh bagi memastikan ekosistem yang mampan

Pelbagai jenis program menawarkan peluang yang luas, namun ia juga mengelirukan. Selain itu, peraturan yang sedia ada tidak cukup responsif untuk menyokong perkembangan syarikat pemula yang semakin matang.

Apakah maksudnya?

Pasaran semasa sentiasa berubah dengan kadar yang pesat, maka dasar dan peraturan juga harus cukup tangkas bagi menjangka dan bertindak balas terhadap trend-trend baru agar mempermudah perniagaan.

Dasar dan peraturan Malaysia sewaktu ini kurang memberi sokongan jangka masa panjang kepada syarikat pemula bagi memupuk kemampuan mereka untuk menghadapi perubahan pasaran agar terus berkembang.⁽¹²⁾

Ranking Persaingan Dunia 2020 (World Competitiveness Ranking 2020) oleh Institute for Management Development (IMD) meletakkan Malaysia pada tangga ke-52 dari segi kemudahan memulakan perniagaan. Namun, "tempoh permulaan perniagaan" kita telah meningkat daripada 13.5 hari pada tahun 2019 kepada 17.5 hari pada tahun 2020.

Syarikat pemula juga keliru tentang sumber-sumber bantuan yang sedia ada. Pelbagai agensi mempunyai fungsi yang bertindih, seperti Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), MDEC, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia), dan Majlis Teknologi Maklumat dan E-Dagang Selangor (SITEC). Oleh itu, syarikat pemula sukar mengenal pasti entiti yang tepat bagi mendapatkan sokongan dan bimbingan dari awal.

Untuk syarikat pemula antarabangsa, kepelbagaian sumber maklumat dan fungsi yang berbeza ini dianggap sebagai rintangan yang menghalang mereka daripada menjadikan Malaysia sebagai destinasi terpilih.

Tambahan pula, data mengenai syarikat pemula ada kalanya terhad dan berasingan.⁽¹³⁾

Kita memerlukan ekosistem yang lebih kondusif dan tangkas buat syarikat pemula, di mana data, dasar dan agensi-agensi yang berkaitan adalah lebih bersepadu.

5



EKOSISTEM PASARAN

Kekurangan pengesahan pasaran dan sokongan; kekurangan akses untuk menembusi pasaran luar

Kekurangan program pemesatan dan inkubator antarabangsa menyempitkan peluang buat syarikat pemula untuk menembusi pasaran asing; sementara kekurangan perolehan kerajaan daripada syarikat pemula menghambat perkembangan mereka di pasaran tempatan.

Apakah maksudnya?

Pada masa ini, Malaysia mempunyai 28 program pemesatan atau inkubator yang diterajui kerajaan, korporat, atau pihak swasta.⁽¹⁴⁾ Kebanyakannya adalah entiti tempatan, maka untuk mendapatkan akses kepada pasaran global, program-program pemesatan atau inkubator ini memerlukan rangkaian atau rakan kerjasama antarabangsa yang lebih berpengaruh. Oleh itu, lebih banyak program daripada rangkaian antarabangsa diperlukan bagi menawarkan syarikat pemula akses langsung kepada rangkaian global.

Di pasaran tempatan pula, syarikat pemula tidak dianggap sebagai pembekal konvensional, maka mereka sukar mendapat akses kepada kontrak perolehan kerajaan.⁽¹⁵⁾ Ini dapat menjadi peluang besar untuk syarikat pemula. Secara purata, negara-negara OECD membelanjakan kira-kira 12% daripada KDNK mereka setiap tahun untuk kontrak kerajaan. Di Malaysia, ini bersamaan hampir RM180 bilion.⁽¹⁶⁾

Namun proses, kriteria kelayakan dan penilaian untuk perolehan kerajaan sering menjadi halangan buat syarikat pemula baru.

Akibat birokrasi ini, kerajaan juga terlepas peluang untuk mendapatkan penyelesaian yang inovatif and efisien bagi memenuhi keperluan mereka.

Bagaimana SUPER Dihasilkan?

Pertama sekali, kami mendengari pandangan pihak-pihak berkepentingan.

MELALUI

Mesyuarat tertumpu

Kami mengadakan sesi perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan daripada ekosistem syarikat pemula bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai cabaran dan keperluan ekosistem; kami menguji intervensi-intervensi yang dicadangkan, dan melibatkan kementerian dan agensi yang berkaitan.

Bengkel wawasan (*visioning workshop*)

Kami membincangkan intervensi-intervensi yang wajar diutamakan, dan bersama membentuk wawasan yang membangkitkan aspirasi untuk ekosistem ini.

Soal selidik (*questionnaires*)

Kami mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan bagi mengesahkan hipotesis kami serta cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti.

Rundingan meja bulat (*roundtable*) bersama pemimpin-pemimpin industri

Kami menguji intervensi-intervensi yang dicadangkan dengan para peneraju ekosistem ini.

KAMI BERUNDING DENGAN

Kerajaan

Untuk menyelaraskan aspirasi, serta memahami perancangan masa kini dan akan datang bagi memupuk syarikat pemula serta ekosistemnya.

Syarikat Pemula

Untuk mengenal pasti cabaran-cabaran mereka dan bersama membentuk intervensi bagi memenuhi keperluan mereka.

Pelabur

Untuk mendapatkan perspektif mengenai ciri-ciri syarikat pemula yang diingini dan bagaimana kerajaan dapat membantu.

Korporat

Bagi memahami keutamaan mereka untuk bekerjasama dengan syarikat pemula, sambil menguji intervensi yang dicadangkan.

Institusi Pengajian

Untuk mendapatkan pandangan mengenai program dan latihan bagi memupuk bakat syarikat pemula.

Komuniti dan persatuan syarikat pemula

Bagi mengesahkan cabaran-cabaran mereka serta mendapatkan pandangan mengenai intervensi-intervensi yang dicadangkan.

Inkubator / Pusat pemesatan

Bagi mendapatkan pandangan mengenai pembinaan keupayaan.

SEMUANYA UNTUK

Menghasilkan Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (2021-2030) yang merangkumi intervensi holistik bagi mengatasi masalah-masalah utama.

Memastikan tiada yang ketinggalan dalam ekosistem ini.

Menjadi lebih inklusif menerusi pendekatan dan kaedah kami demi manfaat semua.

Komitmen Kami

Pelan Hala Tuju ini menetengahkan komitmen kami untuk memperkasakan syarikat pemula dan pihak-pihak yang berkaitan, menerusi pelan yang merangkumi:

- ✓ **Inisiatif-inisiatif yang mampu dilaksanakan dan berkesan 16 intervensi utama dalam 5 bidang teras**
- ✓ **Perwakilan daripada semua pemain ekosistem menerusi penglibatan holistik 4 pihak berkepentingan utama**
- ✓ **Sasaran-sasaran yang akan disukat dan dipantau 3 fasa dan hasilnya di setiap peringkat**
- ✓ **Kebertanggungjawapan, semak dan imbang (*checks and balances*) 1 agensi utama untuk menerajui Pelan Hala Tuju ini, yang bertanggungjawab atas pelaksanaannya**
- ✓ **Penyelesaian bagi mengiringi perubahan semasa Haluan kepada ekosistem yang tangkas dan mampu disesuaikan mengikut perubahan semasa**

Kemudian, kami mengambil teladan daripada ekosistem-ekosistem yang lain

Dalam menghasilkan Pelan Hala Tuju ini, kami turut mengkaji amalan-amalan terbaik dari negara-negara yang menguasai 20 ekosistem syarikat pemula terbaik di dunia.

Silicon Valley lazim dikenali sebagai tempat kelahiran syarikat pemula, yang telah berjaya menghasilkan gergasi-gergasi teknologi terbesar di dunia.

Kejayaan **Silicon Valley** berpunca daripada beberapa faktor kekuatan dalam ekosistem tersebut, iaitu ⁽¹⁷⁾⁽¹⁸⁾:

- Sebuah 'dwi-ekosistem' di mana syarikat pemula bercambah di antara syarikat-syarikat besar, yang meningkatkan modal insan
- Bakat dan kepakaran tinggi
- Kerjasama strategik
- Bilangan pelabur kaya dan institusi pembiayaan yang tinggi
- Peraturan yang mampu diubah suai dan ekosistem yang mesra modal teroka
- Perubahan awal pada dasar kerajaan (seperti kelonggaran Akta Keselamatan Pendapatan Persaraan Pekerja, ERISA pada tahun 1979, yang membenarkan kumpulan wang pencen korporat untuk melabur dalam modal teroka, seterusnya menjadi sumber pembiayaan utama untuk modal teroka)

Di **Silicon Valley**, dan AS secara umumnya, kegagalan tidak dianggap sebagai sesuatu yang memalukan, dan budaya inovasinya meluas.

Di **United Kingdom**, kejayaannya sebagai hab teknologi kewangan (*fintech*) Eropah adalah disebabkan oleh intervensi-intervensi dasar kerajaan.⁽¹⁹⁾ UK merupakan negara pertama di dunia yang memperkenalkan *sandbox* peraturan bagi mempercepatkan percambahan syarikat pemula teknologi kewangan. Mereka juga kini dikenali sebagai pusat tarikan inkubator dan program pemesatan.

Di **Singapura**, intervensi kerajaan yang bersepadu dan konsisten telah mendorong kemajuannya sebagai hab teknologi terbaru di Asia dan Asia Tenggara. Dengan dasar yang mesra ekosistem serta pendekatan yang sistematik dan menyeluruh dalam memupuk ekosistem yang kompetitif, Singapura kini merupakan tuan rumah kepada 6 syarikat unikorn, termasuklah dekakorn Asia pertama yang bernilai RM41.9 bilion (USD10 bilion), iaitu Grab.⁽²⁰⁾⁽²¹⁾ Mereka juga telah memperkenalkan pelbagai program untuk menerapkan inovasi di kalangan belia, di samping berpendirian mesra pelaburan dan bakat asing.

Akhir sekali, kami menyelaraskan kesemua dasar-dasar utama negara

Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia

Rangka tindakan menuju matlamat kita sebagai peneraju ekonomi digital dan mencapai pembangunan sosio-ekonomi yang lebih inklusif, bertanggungjawab dan mampan.




Dasar Keusahawanan Nasional 2030

Membimbing Malaysia menjadi negara berkeusahawanan cemerlang menjelang 2030.



Industry4WRD: Dasar Negara Mengenai Industri 4.0

Merevolusikan Malaysia sebagai rakan kerjasama strategik terpilih di rantau ini, untuk industri pembuatan pintar dan penyelesaian berasaskan teknologi.



SUPER membentangkan haluan buat syarikat pemula untuk terus berkembang dan berjaya, di samping membantu kementerian, agensi dan pihak-pihak berkepentingan untuk mencapai sasaran mereka di bawah dasar-dasar negara yang telah digariskan di sini.




Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang mampan dan saksama buat semua lapisan masyarakat.



Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030

Mendorong Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi dan berpendapatan tinggi, yang berteraskan sains, teknologi dan inovasi.



Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara

Memanfaatkan potensi teknologi 4IR bagi memupuk pembangunan yang seimbang, bertanggungjawab dan mampan.




Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi & Ekonomi (MySTIE)

Pendekatan sistematik kepada 10 pemacu teknologi dan 10 sektor sosio-ekonomi bagi mentransformasikan Malaysia sebagai ekonomi yang berteraskan pengetahuan dan sebuah negara berinovasi.

Hala Tuju yang Jelas

Wawasan kita ialah sebuah ekosistem Malaysia yang akan memupuk perkembangan syarikat pemula, dan menjadi destinasi terpilih untuk minda-minda terhebat dari tanah air dan antarabangsa.



Pelan Hala Tuju ini membentangkan haluan ke arah matlamat kita. Dengan usaha kita semua, ia bakal menjadi suatu pengalaman yang akan dikenang.

Kita ingin menjadikan Malaysia tampuk inovasi.

1 Wawasan: Antara 20 Ekosistem Syarikat Pemula Terbaik di Dunia Menjelang 2030

Pada tahun 2020, ekosistem syarikat pemula dunia telah mencecah nilai RM12.8 trilion (USD3 trilion).⁽²²⁾ Angka ini semakin meningkat setiap hari, melebihi KDNK kebanyakan negara-negara G7.

Pada hari ini, 7 daripada 10 syarikat terbesar di dunia adalah berteraskan teknologi, dan pada tahun 2019 pelaburan modal teroka telah mencecah hampir RM1.2 trilion (USD300 bilion) untuk syarikat pemula.⁽²³⁾

Menurut Startup Genome, ekosistem syarikat pemula di Malaysia dianggarkan bernilai RM67.4 bilion (USD16.1 bilion) pada tahun 2021.⁽²⁴⁾

Apakah maksudnya angka-angka ini? Dan apa kepentingannya apabila dunia telah berubah secara mendadak akibat wabak COVID-19?

Ia penting atas **dua sebab** utama.

Pertama sekali, ialah nilai ekonomi yang dijanakan oleh syarikat pemula.

Apabila bilangan syarikat pemula meningkat, nilai yang dijanakan oleh keseluruhan komuniti yang berkaitan dengan ekosistem tersebut seperti bakat, universiti, dan pusat pemesanan turut meningkat.

Oleh itu, bilangan syarikat pemula dalam sesebuah ekosistem perlu dikekalkan untuk mempertahankan nilai ekonomi keseluruhannya. Ini adalah fakta penting yang harus diingati oleh para penggubal dasar, menurut Startup Genome.⁽²⁵⁾

Faktor kepentingan **kedua** mungkin kurang jelas, namun barangkali lebih penting: syarikat pemula berpotensi sebagai pengubah industri yang bukan sahaja dapat memacu ekonomi Malaysia, namun juga membangkitkan semangat negara kita sebagai warga pemikir, pencipta dan pencetus inovasi. Semangat inilah yang akan mengangkat kita mengatasi cabaran wabak COVID-19, menjana pekerjaan dan pendapatan baru, mendorong pemulihan, dan mempersiapkan Malaysia sebagai negara yang dikagumi.

Menjelang tahun 2030, kita ingin menjadi antara 20 Ekosistem Terbaik di Dunia, dan berada di Peringkat Integrasi, dengan ekosistem yang matang dan rancak berkembang dengan 5,000 syarikat pemula yang mandiri dan berjaya, memangkin perkongsian pengetahuan dan juga kekayaan.

Ekosistem syarikat pemula yang lebih besar akan menjana nilai ekonomi yang lebih tinggi.

“Saiz kelompok industri amat penting untuk prestasi keseluruhannya”; apabila sesebuah ekosistem semakin berkembang, impak ekonomi yang dijanakan oleh setiap syarikat pemula akan turut meningkat. Oleh itu, semakin besar sesebuah ekosistem, semakin tinggi prestasi dan nilai purata setiap syarikat pemulanya.



Untuk ilustrasi sahaja


Sumber: Startup Genome (2020)

2 Pemacu Utama

Dengan wawasan yang jelas untuk ekosistem syarikat pemula negara, sekarang kita mengalihkan perhatian kepada 'bagaimana' untuk mencapainya. Kami telah mengenal pasti dua pemacu utama yang dapat mendorong kita ke arah destinasi ini. Ini merupakan pendekatan dua teras yang akan menggariskan bidang-bidang peluang dalam ekosistem ini sebagai panduan kita.

Pemacu 1

Membangunkan syarikat pemula dalam sektor komersial dan meluaskan penyertaan dalam pasaran global




Perkhidmatan Kewangan FINTECH

Peluang pasaran global

Perubahan sikap pengguna ke arah transaksi tanpa tunai dan perbankan digital⁽²⁶⁾

Nilai pasaran *fintech* global pada tahun 2019 ialah **USD5,504.13 bilion (RM2,303.4 bilion)**

 Pertumbuhan pasaran dijangkakan semakin pesat pada **Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) sebanyak 23.5%**

 **49.45%** bahagian pasaran dikuasai oleh rantau Asia Pasifik pada tahun 2019

Kedudukan Malaysia

Malaysia mempunyai kedudukan mantap dalam *fintech* dan merupakan pasaran *fintech* Islamik terbesar serantau

Malaysia merupakan perintis global dalam industri kewangan Islam, menguasai 48% daripada pasaran terbitan sukuk global pada tahun 2019, iaitu lebih dua kali ganda daripada Arab Saudi.

Menurut Laporan Fintech Islamik terbitan MDEC pada Februari 2020, sebanyak 26 syarikat *fintech* Islamik berpusat di Malaysia pada tahun 2019, iaitu lebih tinggi daripada UK (19), Emiriah Arab Bersatu (16), Indonesia (12) dan AS (10).


Selain itu, Malaysia juga mempunyai pasaran Fintech Islamik terbesar serantau, dengan sejumlah 149.5 transaksi e-bayaran per kapita pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 81% daripada 82.6 transaksi pada tahun 2015.




Perkhidmatan IT KANDUNGAN MEDIA DIGITAL

Kandungan media digital semakin penting untuk mendorong kemajuan perniagaan⁽²⁷⁾

Potensi perkembangan pasaran kandungan media digital dianggarkan sebanyak **USD519.83 bilion (RM217.53 bilion)** sepanjang 2020-2024

 Pertumbuhan pasaran dijangkakan semakin pesat pada **CAGR sebanyak 10%**

 **44%** daripada pertumbuhan ini dijangkakan dari rantau Asia Pasifik

Malaysia antara pencipta dan pengguna kandungan media digital utama di Asia Tenggara

Wabak COVID-19 telah memangkinkan penggunaan kandungan media digital di Malaysia. Menurut kajian daripada Facebook dan Bain & Company pada tahun 2020, Malaysia telah mencatat peratusan pengguna digital yang tertinggi di Asia Tenggara, iaitu sebanyak 83% daripada populasinya (yang berumur 15 tahun ke atas), berbanding dengan 70% yang dianggarkan untuk negara-negara serantau.


Bahkan warga Malaysia bukan sahaja pengguna, tetapi juga pencipta kandungan media digital. Malaysia berada di tempat pertama di Asia Tenggara dari segi IP animasi, dan di tempat ke-21 di dunia dalam pasaran permainan digital.



Perkhidmatan IT KESELAMATAN SIBER

Dunia digital semakin memerlukan perlindungan dengan aliran data yang semakin pesat⁽²⁸⁾

 Saiz pasaran keselamatan siber menjelang tahun 2028 dianggarkan sebanyak **USD418.3 bilion (RM175.1 bilion)**

 Risiko berkenaan keselamatan siber dan pengurusan data merupakan **kebimbangan utama** untuk ketua-ketua eksekutif audit dan juga lembaga pengarah korporat

Malaysia menunjukkan kekuatan dan inisiatif dalam mengatasi cabaran keselamatan siber, dan menduduki tempat ke-5 di dunia menurut Indeks Keselamatan Siber Global 2020 (Global Cybersecurity Index 2020)

Indeks Keselamatan Siber Global (GCI) menilai komitmen sesebuah negara terhadap keselamatan siber, dan menempatkan Malaysia di tangga ke-5 di dunia dan ke-2 di Asia Pasifik.

Kita juga diiktiraf dalam Indeks Keselamatan Siber Global oleh International Telecommunication Union (ITU) pada tahun 2018, menduduki tempat ke-8 di dunia dan ke-2 di Asia Pasifik. Ini diperkukuhkan lagi dengan penubuhan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) pada tahun 2017.

Pemacu 2

Membangunkan sektor strategik yang membawa impak sosial dan alam sekitar




SAINS HAYAT



PENDIDIKAN



PERTANIAN



TENAGA

Bidang	Sains hayat, termasuklah Bioteknologi, Farmaseutikal, dan Teknologi perubatan, adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup	Teknologi pendidikan semakin penting dengan kebergantungan terhadap pembelajaran jarak jauh	Trend penggunaan Internet Benda (<i>Internet of Things</i>) dan teknologi IR4.0 untuk sektor pertanian meluaskan potensi untuk mempertingkatkan jaminan makanan (<i>food security</i>)	Industri tenaga bersih (<i>clean energy</i>) semakin membangun, seiring dengan kesedaran tentang pembangunan lestari dan pengurangan impak alam sekitar
Peluang Pasaran Global	Industri kesihatan dunia telah mencecah nilai RM35.36 trilion (USD8.45 trilion) pada tahun 2018, dan perbelanjaan kesihatan keseluruhan dijangkakan melebihi USD10 trilion menjelang 2022. ⁽²⁹⁾ Ini merupakan peluang besar buat syarikat-syarikat industri kesihatan di Malaysia.	Edtech Digest menganggarkan saiz pasaran global industri teknologi pendidikan adalah bernilai RM319.7 bilion (USD76.4 bilion) pada tahun 2019, dan dijangkakan meningkat pada Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) sebanyak 18.1% daripada tahun 2020 hingga ke 2027. ⁽³⁰⁾ Dengan peningkatan bilangan pelajar sekolah dan dewasa yang menggunakan teknologi untuk pembelajaran di rumah, bidang ini mempunyai potensi yang tinggi.	Pasaran pertanian pintar (<i>smart agriculture</i>) di dunia dianggarkan bernilai RM26.9 bilion (USD6.45 bilion) pada tahun 2018, dan dijangkakan meningkat pada CAGR 13.09% untuk mencapai nilai RM82.3 bilion (USD19.6 bilion) menjelang tahun 2027. ⁽³¹⁾	Pasaran tenaga boleh diperbaharui (<i>renewable energy</i>) di dunia, menurut Allied Market Research, adalah bernilai RM3.6 trilion (USD881.7 bilion) pada tahun 2020, dan dijangkakan mencapai nilai RM8.29 trilion (USD1.98 trilion) menjelang 2030, dengan peningkatan pada CAGR sebanyak 8.4% dari tahun 2021 sehingga 2030. ⁽³²⁾
Kedudukan Malaysia	Menurut ASEAN Briefing, saiz pasaran industri kesihatan Malaysia dijangkakan bernilai RM125.7 bilion (USD30 bilion) menjelang 2027, didorong peluang-peluang luas dalam perkhidmatan kesihatan di negara ini.	Pasaran pendidikan Malaysia dijangkakan mencapai sekitar RM41.9 bilion (US\$10 bilion) menjelang 2023, dengan percambahan model pendidikan interaktif yang menggunakan platform dalam talian, teknologi baharu muncul (<i>emerging technology</i>) dan realiti tambahan (<i>augmented reality</i>).	Sektor pertanian merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi dan pekerjaan negara. Pada tahun 2019, sektor ini menyumbang sebanyak 7.1% kepada KDNK negara.	Sektor tenaga, terutamanya tenaga bersih, merupakan bidang pembangunan kritikal untuk ekonomi Malaysia. Ia menyumbangkan hampir 20% kepada KDNK dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Kedua-dua pemacu ini merupakan komponen penting dalam ekosistem kita, sebagai panduan kepada sektor-sektor utama yang dapat meningkatkan hasil kita sebagai negara berinovasi dan memangkin percambahan idea.



1 Meningkatkan jumlah syarikat pemula yang inovatif dan berkualiti

Bakat merupakan nadi ekosistem yang membangun, tanpanya ia tidak akan berkembang. Menyedari kepentingan ini, sasaran kita ialah:

- ✓ Meningkatkan nisbah pembiayaan peringkat awal kepada 0.3% hingga 0.4% daripada KDNK menjelang 2030
- ✓ Mempunyai seramai 10,000 pengekod (*coder*) menjelang 2030
- ✓ Mempunyai sebanyak 5,000 syarikat pemula menjelang 2025⁽³³⁾



2 Mempercepatkan perkembangan (*scale-up*) dengan pertumbuhan syarikat pemula teknologi mendalam (*Deep Tech*)

Teknologi mendalam merujuk kepada kemajuan sains atau kejuruteraan yang berpotensi tinggi untuk dipatenkan dan dikomersialkan, dan membolehkan syarikat pemula memperhebatkan produk mereka bagi menyelesaikan masalah-masalah yang lebih rumit. Walaupun ia dianggap sebagai bidang yang khusus (*niche*), memupuk kemahiran teknologi mendalam akan memperkuat ekosistem kita, serta memberi kelebihan dan mempertingkatkan daya saing syarikat pemula kita dalam dunia teknologi yang kian berubah ini. Oleh itu, sasaran kita ialah:

- ✓ Meningkatkan jumlah paten mencapai 10,000 menjelang 2030
- ✓ Meningkatkan GERD/KDNK sebanyak 3.5%⁽³⁴⁾

Kedua-dua pemacu tersebut telah merangka perjalanan kita untuk mencapai tiga hasil utama dalam ekosistem ini dengan sokongan empat pihak berkepentingan utama. Seterusnya, ia akan membimbing pembentukan intervensi kita menerusi lima penjana ekosistem kemudian.



3 Mendorong pertumbuhan unicorn tempatan dan antarabangsa

Status unicorn - apabila syarikat pemula mencapai nilai RM4.19 bilion (USD1 bilion) - merupakan sesuatu yang amat diidamkan, bukan hanya kerana nilainya yang mengagumkan. Syarikat unicorn bukan sahaja dapat menjana nilai ekonomi, namun juga berpotensi membawa kesan sampingan yang lebih meluas (*spillover effect*) kepada masyarakat. Di India sahaja, sebanyak 44 unicorn dari dekad lalu telah menjana nilai ekonomi melebihi RM444 bilion (USD106 bilion), dan membuka lebih 1.4 juta pekerjaan secara langsung dan tidak langsung setiap tahun.⁽³⁵⁾

Kami menyedari potensi besar syarikat pemula unicorn, dan berazam untuk:

- ✓ Menjadi antara 25 Terbaik menurut Indeks Keusahawanan Global, di bawah Sub-Indeks dan Nilai-Teras Keupayaan Keusahawanan, menjelang 2025
- ✓ Menjadi antara 20 Terbaik untuk "Memulakan perniagaan", menurut Ranking Persaingan Dunia IMD
- ✓ Menjadi antara 20 Terbaik dalam Hasil Pengetahuan & Teknologi menurut Indeks Inovasi Global (GII) menjelang 2030
- ✓ Menarik sebanyak 5 unicorn tempatan atau asuhan tempatan menjelang 2025

4 Pihak Berkepentingan Utama

Kejayaan ekosistem syarikat pemula negara, dan SUPER, memerlukan usaha bersepadu daripada semua pihak berkepentingan untuk melaksanakan saranan-saranan yang dicadangkan.



Peranan kerajaan dan sektor awam sangat ditekankan bagi merealisasikan wawasan kita sebagai 20 Ekosistem Syarikat Pemula Terbaik di Dunia. Sebagai pihak berkepentingan utama, mereka merupakan tenaga penggerak SUPER.

Oleh itu, **kerajaan** seharusnya:

- ✓ Mempermudahkan urusan perniagaan (*ease of doing business*)
- ✓ Memangkin percambahan dan perkembangan syarikat pemula berkualiti
- ✓ Membentuk kerangka peraturan yang tangkas dan terbuka kepada trend, teknologi dan syarikat pemula baru
- ✓ Mengurangkan risiko teknologi dan inovasi dengan menumpukan pembiayaan kepada syarikat pemula di peringkat pra-pembentukan (untuk penghasilan prototaip dan pembuktian konsep)
- ✓ Memperkukuhkan mekanisme dan peraturan bagi menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam syarikat pemula
- ✓ Memanfaatkan rangkaian kerajaan untuk meluaskan akses syarikat pemula kepada peluang serantau dan antarabangsa

Mengapa:

Negara yang bersemangat keusahawanan dan berinovasi tinggi bukan sahaja akan membangun dari segi ekonomi, tetapi juga pada kuasa lembut (*soft power*) seperti daya cipta dan kreativiti. Malaysia akan menikmati pelbagai manfaat sekiranya ia dilihat sebagai ekosistem yang berwibawa di Asia dan di mata dunia.



Kerajaan

Kerjasama antara pihak korporat (sektor swasta) dan syarikat pemula adalah bermanfaat untuk kedua-duanya.⁽³⁶⁾ Syarikat pemula akan mendapat pembiayaan dan sumber korporat, serta akses kepada pelanggan. Manakala pihak korporat pula dapat memanfaatkan inovasi untuk mendahului persaingan dan perubahan industri, di samping mendapat akses kepada teknologi baru daripada syarikat pemula.

Oleh itu, **pihak korporat** harus:

- ✓ Berperanan sebagai pemboleh dalam ekosistem syarikat pemula, dengan memberikan bimbingan, akses pasaran, perkongsian infrastruktur, dan memanfaatkan rangkaian (seperti pembekal dan pelanggan)
- ✓ Menjadi pelanggan pertama untuk syarikat pemula, sama ada melalui penciptaan inovasi bersama ataupun memperoleh perkhidmatan daripada mereka



Sektor Swasta

Para pelabur merupakan sumber pembiayaan untuk syarikat pemula, yang memberi keyakinan, kepercayaan dan sokongan kepada mereka bagi mendorong perkembangan dan kejayaan. Syarikat pemula pula memberikan pulangan pelaburan (*return-on-investment*) kepada para pelabur.

Oleh itu, para **pelabur** wajar:

- ✓ Menggiatkan aktiviti pelaburan sektor swasta dalam ekosistem syarikat pemula Malaysia
- ✓ Meningkatkan aktiviti pelaburan budiman (*angel investment*) dalam ekosistem syarikat pemula Malaysia
- ✓ Bekerjasama dengan kerajaan untuk mempertingkatkan ekosistem pelaburan melalui usaha bagi menarik dan mempromosikan pelaburan



Mengapa:

Keupayaan untuk mendahului pasaran bergantung kepada kemajuan teknologi baru dan kebolehan untuk menjangka perubahan industri – kedua-duanya sehati dengan syarikat pemula. Kerjasama antara sektor swasta dan syarikat pemula akan memanfaatkan kedua-duanya sekali. Pihak korporat akan mendapat akses pertama kepada teknologi baru, manakala syarikat pemula akan mendapat akses kepada sumber yang lebih luas. Kejayaannya telahpun terbukti dalam bidang *fintech*. Pihak bank bekerjasama erat dengan syarikat pemula *fintech* untuk mencipta produk baru untuk pelanggan, sementara syarikat pemula tersebut mendapat akses kepada rangkaian pelanggan yang sedia ada. Para pelabur pula berpotensi meraih ROI tinggi daripada kejayaan syarikat pemula.



Institusi Pengajian dan Pusat Pemesatan

Mengapa:

Pendidikan teknikal dan kepakaran dalam bidang perniagaan akan menjadi pemacu utama untuk pendidikan masa depan. Persediaan kita hari ini akan menentukan daya saing kita dalam sektor pendidikan pada masa akan datang.



Syarikat Pemula & Komunitinya

Mengapa:

Budaya kerjasama akan meningkatkan keberhasilan, dan perkongsian pengalaman dapat membantu usahawan lain menghindari kesilapan yang sama. Syarikat pemula sering merasakan bahawa mereka keseorangan, namun sebenarnya tidak. Komuniti syarikat pemula yang giat dan maju akan meluaskan rangkaian ahli-ahlinya dan mencipta lebih banyak peluang untuk belajar daripada pengalaman masing-masing.



Semangat keusahawanan dan kemahiran teknikal adalah wajib untuk syarikat pemula, dan ia selalunya bermula dari zaman pengajian. Institusi pengajian memainkan peranan penting dalam memupuk bakat melalui kurikulum yang tertumpu dan persekitaran yang mendorong inovasi.

Oleh itu, **institusi pengajian** boleh:

- ✓ Menubuhkan Pejabat Pemindahan Teknologi (TTO) bagi membolehkan syarikat pemula mengkomersialkan idea yang terbenih di universiti
- ✓ Menjemput usahawan yang berkepakaran dalam bidang teknikal dan perniagaan untuk menjalankan program keusahawanan dan membimbing pelajar

Pendidikan ini juga harus disokong oleh **pusat pemesatan dan inkubator**, yang dapat:

- ✓ Membantu syarikat pemula berkembang dan mendapat akses kepada pasaran serantau dan antarabangsa, melalui pembentukan rangkaian kerjasama
- ✓ Membina kesedaran tentang potensi ekosistem syarikat pemula Malaysia bagi menggiatkan penyertaan dan aktiviti di kalangan pembina ekosistem



Syarikat pemula berkembang pesat apabila ia wujud dalam komuniti pengasas dan pencipta inovasi yang sehaluan. Oleh itu, sistem sokongan yang terdiri daripada golongan usahawan dan minda-minda kreatif adalah amat penting.⁽³⁷⁾

Komuniti Syarikat Pemula boleh:

- ✓ Mewujudkan ruang buat para usahawan untuk berkongsi idea dan pengalaman mereka, menjalinkan hubungan sesama komuniti, dan membiasakan kegagalan
- ✓ Bekerjasama dengan pusat pemesatan bagi membuka peluang buat usahawan untuk terus belajar

Sementara itu, **syarikat pemula** juga perlu:

- ✓ Menumpukan usaha kepada idea perniagaan yang berkualiti dan berpotensi untuk berkembang di peringkat antarabangsa
- ✓ Meneroka, mencipta inovasi atau menggunakan teknologi baru seperti teknologi mendalam untuk menyelesaikan masalah atau memenuhi sesuatu keperluan, seterusnya mendapatkan pengesahan pasaran
- ✓ Mempertingkatkan keutuhan perniagaan dengan pengetahuan dan pendedahan baru

5 Penjana Ekosistem Utama

Seterusnya, kita akan memperincikan 16 Intervensi menerusi 5 Penjana Ekosistem yang akan mendorong kita ke arah wawasan sebagai 20 Ekosistem Syarikat Pemula Terbaik di Dunia.

1 Pembiayaan



Menarik sebanyak 5 unicorn tempatan atau asuhan tempatan menjelang 2025

Meningkatkan nisbah pembiayaan peringkat awal kepada 0.3% hingga ke 0.4% KDNK menjelang 2030, daripada 0.049% (RM691.3 juta, iaitu bersamaan USD165 juta) pada tahun 2021

Kerajaan perlu mengalihkan tumpuan pembiayaannya kepada syarikat pemula di peringkat pra-pembentukan (*pre-seed*), agar pembiayaan sektor swasta menjadi lebih kolaboratif dan saling melengkapi.

Meningkatkan pelaburan sektor swasta dalam syarikat pemula di peringkat pertengahan hingga akhir akan membolehkan pembiayaan kerajaan disalurkan kepada syarikat pemula di peringkat paling awal pembentukan, untuk membiayai prototaip atau pembuktian konsep (*proof-of-concept*), atau juga sebagai geran cabaran (*challenge grants*).

Peralihan fokus kerajaan ini akan memenuhi jurang pembiayaan yang sedia ada di peringkat awal. Jumlah pembiayaan peringkat awal di Malaysia (untuk peringkat Pembentukan dan Siri A) adalah bernilai RM691.3 juta (USD165 juta) pada tahun 2021, iaitu bersamaan dengan hanya 0.049% daripada KDNK negara.⁽³⁸⁾

Sebagai perbandingan, untuk 20 Ekosistem Terbaik di Dunia, nisbah pembiayaan peringkat awal mereka kepada KDNK adalah antara 0.1% hingga 0.4% berdasarkan data GSER dan maklumat sedia ada.

Tahap pembiayaan peringkat awal dan kadar pertumbuhannya merupakan antara ukuran utama dalam GSER. Oleh itu, kerajaan perlu mengubah pendekatannya dalam pembiayaan syarikat pemula, sambil meningkatkan pembiayaan sektor swasta dalam ekosistem ini.

Strategi Keseluruhan: Meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam pembiayaan syarikat pemula

INTERVENSI 1

Mengutamakan pembiayaan kerajaan untuk peringkat pembuktian konsep dan mempertingkatkan pembiayaan tidak langsung untuk peringkat-peringkat seterusnya

Dalam intervensi ini, pembiayaan kerajaan akan beralih tumpuan kepada:

a. Pembiayaan secara langsung untuk peringkat pra-pembentukan (*pre-seed*) dan peringkat awal

Memperkasakan agensi kerajaan yang berkaitan untuk menumpukan pembiayaan kepada pembinaan prototaip atau pembuktian konsep bagi mengurangkan risiko inovasi.

b. Pembiayaan secara tidak langsung untuk syarikat pemula di peringkat-peringkat seterusnya

Memperluaskan kejayaan program pembiayaan nasional bagi menarik pelaburan asing untuk syarikat pemula di Malaysia. Sebagai contoh, program Dana Penjana Kapital yang menawarkan pembiayaan padanan (*matching funds*) bernisbah 1:1 untuk pelaburan asing, telah berjaya mengumpulkan dana pembiayaan berjumlah RM1.57 bilion, melangkaui sasarannya pada RM1.2 bilion untuk tahun 2020.⁽³⁹⁾ Ini membuktikan bahawa para pelabur tertarik dengan kaedah pelaburan Tabung Dana (*Fund of Funds, FoF*) yang diterajui oleh sektor swasta.

c. Memanfaatkan kepakaran sektor swasta untuk pembiayaan peringkat akhir

Meningkatkan pelaburan kerajaan menerusi model Tabung Dana (FoF) atau dana modal teroka bagi memanfaatkan kepakaran dan pengetahuan industri pemain sektor swasta, sekali gus mengalihkan kebertanggungjawabannya.

FASA 1


CADANGAN STRUKTUR PEMBIAYAAN

Peringkat Pembentukan Idea (Pembiayaan Secara Langsung)



Mengekalkan status quo, pembiayaan agensi kerajaan tertumpu kepada pembinaan prototaip / pembuktian konsep bagi mengurangkan risiko inovasi

Peringkat Awal, Pertengahan dan Akhir (Pembiayaan Tidak Langsung)



Kerajaan akan menggunakan model Tabung Dana (FoF) atau melabur ke dalam dana modal teroka agar dapat memanfaatkan kepakaran dan pengetahuan industri pemain sektor swasta, sekali gus mengalihkan kebertanggungjawabannya

INTERVENSI 2

FASA 1 - 3

Membina semula kerangka tarikan pelaburan agar lebih efisien dan mampu menarik pelaburan berkualiti tinggi

Intervensi ini akan membina semula kerangka tarikan pelaburan dengan:

a. Membentuk pelan untuk menarik dan mempromosikan pelaburan

Berdasarkan maklumat pada laman web MIDA, promosi pelaburan ketika ini lebih tertumpu kepada sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Kami akan memanfaatkan maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan untuk mencipta pelan dan strategi yang tertumpu bagi menarik pelaburan khususnya untuk syarikat pemula.

b. Menilai semula insentif pelaburan bagi memastikan keberkesananannya jelas, tidak dilaksanakan secara subjektif, dan fleksibel untuk peringkat-peringkat syarikat pemula dan pelaburan yang berlainan

Model penarikan pelabur asing seperti insentif, pengecualian dan potongan cukai akan dinilai semula. Maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan akan dipertimbangkan bagi memastikan proses kelayakan insentif adalah jelas bagi mempermudah pelaburan ke dalam ekosistem.

INTERVENSI 3

FASA 1

Mencipta platform yang menampilkan aliran urus niaga (*deal flow*) syarikat pemula berpotensi tinggi

Intervensi ini akan mewujudkan:

a. Platform yang menghimpunkan maklumat mengenai aliran urus niaga syarikat pemula

Maklumat tentang aliran urus niaga adalah penting kepada para pelabur untuk menyukat kemajuan sesebuah syarikat pemula, ekosistem, dan ekonomi secara keseluruhannya. Pada waktu ini, aliran urus niaga dan pelaburan dalam ekosistem syarikat pemula di Malaysia adalah kurang keterlihatan. Ini mengurangkan keyakinan para pelabur. Mereka memerlukan sebuah platform yang dapat menampilkan aliran urus niaga sebegini.

b. Pangkalan data yang dapat meningkatkan ketelusan mengenai prestasi syarikat pemula

Keyakinan para pelabur dapat ditingkatkan dengan ketelusan mengenai status pembiayaan syarikat pemula dan waktu pembiayaannya yang terakhir. Selain itu, intervensi ini akan mempermudah para pelabur untuk mendapatkan maklumat mengenai syarikat pemula yang terbaik daripada lepasan program inkubator atau pusat pemesatan tempatan terkini, yang mempunyai idea perniagaan inovatif dan baru yang ingin ditonjolkan. Maklumat ini seharusnya mudah dicapai menerusi pencarian mengikut jenis teknologi, industri, nilai pembiayaan, program pemesatan, dan sebagainya.

2 Bakat



Menarik sebanyak 5 unicorn tempatan atau asuhan tempatan menjelang 2025

Meningkatkan bilangan pengkod (coder) kepada 10,000 menjelang 2030

25 Terbaik dalam Indeks Keusahawanan Global, menurut Sub-Indeks dan Teras-Nilai Kemampuan Keusahawanan menjelang 2025, iaitu peningkatan daripada tempat ke-44 pada tahun 2020

Meningkatkan jumlah syarikat pemula kepada 5,000 menjelang 2025, daripada bilangan kini yang dianggarkan antara 800 hingga 1,200 syarikat pada tahun 2020

Bakat merupakan nadi ekosistem syarikat pemula yang maju, tanpanya sesebuah ekosistem tidak akan berfungsi.

Oleh itu, ekosistem kita harus sentiasa memupuk perkembangan bakat berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi, di kalangan warga tempatan dan antarabangsa. Walaupun Malaysia mempunyai bakat yang berkualiti, mereka masih perlu dilengkapi dengan kemahiran teknikal yang begitu penting untuk ekosistem syarikat pemula. Kita juga perlu meredakan kekhawatiran terhadap kegagalan dengan menggalakkan perkongsian dan perbincangan secara terbuka bagi membiasakan kegagalan dan mendorong semangat inovasi tanpa gentar.

Tumpuan kami ialah untuk membina kemahiran asas teknologi dan keusahawanan di kalangan warga Malaysia, sementara menerapkan budaya yang menggalakkan pembelajaran daripada kegagalan dan juga kejayaan. Ini akan meluaskan pandangan syarikat pemula yang sedang membangun sambil mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran yang lebih hebat di masa hadapan.

Kita ingin menghasilkan bakat teknikal secara berterusan, yang akan menjadi kekuatan untuk syarikat pemula, dan kemudian menjadi pendidik teknologi bagi meneruskan kemampuan ekosistem. Bakat asing juga harus ditarik dan dikekalkan dalam ekosistem ini bagi meningkatkan jumlah bakat dan meluaskan kepelbagaian dalam ekosistem kita.

Strategi Keseluruhan:

Membina kemahiran asas teknikal dan keusahawanan

INTERVENSI 4

FASA 1 - 2

Menjalankan program intensif untuk Bakat Teknologi

Intervensi ini akan tertumpu kepada:

a. Menerapkan kemahiran teknikal dan digital yang penting untuk ekosistem syarikat pemula

Mewujudkan program intensif berstruktur yang disasarkan untuk lepasan institusi pengajian tinggi, pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), dan bakal-bakal usahawan bagi memastikan kemahiran mereka memenuhi keperluan ekosistem. Ia akan dilaksanakan dengan kerjasama akademi teknologi, Syarikat Multinasional (MNC), syarikat pemula, dan Institusi Teknologi Digital Perdana (PDTI).

b. Mempertingkatkan pembentukan bakat yang relevan dan berkualiti dalam ekosistem

Mempertingkatkan PDTI dan program-program sedia ada, seperti Program Digital Maker dan Digital Maker Hub yang diterajui oleh MDEC, bagi memenuhi keperluan bakat teknologi dalam ekosistem. Ini merupakan komponen penting dalam sukatan Ekosistem Syarikat Pemula Global (Global Startup Ecosystem).

INTERVENSI 5

FASA 1 - 3

Membina rangkaian terbuka untuk para pengasas berkongsi kejayaan dan kegagalan dan membuka peluang kepada para pelajar untuk bekerja dengan syarikat pemula

Intervensi ini akan menubuhkan sebuah rangkaian terbuka dengan:

a. Mencipta platform untuk bakal pengasas dan pereka inovasi bagi mempelajari tentang pengalaman dan kegagalan dalam syarikat pemula

Ini akan membina keteguhan minda, dengan membiasakan kegagalan dan menggunakannya sebagai pengajaran bagi mendorong semangat keusahawanan.

b. Memperluaskan platform sedia ada dan menggalakkan perbincangan terbuka serta pembelajaran berterusan

Program Grill or Chill (GoC) dan University Startup Challenge (USC) oleh MaGIC telah terbukti keberkesannya dan patut diperluaskan lagi. GoC merupakan platform untuk syarikat pemula memperagakan produk mereka dan mendapatkan maklum balas daripada pakar-pakar dalam ekosistem syarikat pemula. USC pula memberi pengalaman kepada pelajar universiti dalam mencipta penyelesaian bagi memenuhi keperluan pasaran, dengan menggunakan pengetahuan dan bahan sokongan keusahawanan yang sesuai, sambil menerima bimbingan pakar melalui sesi mentor dan penasihat, serta membina rangkaian untuk mendapatkan sokongan daripada ekosistem syarikat pemula.

INTERVENSI 6

FASA 1

Mempercepatkan kelulusan visa istimewa bagi kemasukan bakat teknologi asing dan mengekalkan mereka secara proaktif

Intervensi ini akan tertumpu kepada:

a. Menjadikan Malaysia sebagai destinasi yang menarik dan mesra kepada individu inovatif dan berkemahiran teknologi

Usaha ini akan dipertingkatkan lagi dengan menyediakan landasan istimewa untuk kemasukan bakat dan visa yang dipercepatkan bagi mengekalkan bakat asing. Visa yang dicadangkan ini tidak akan menggantikan jenis-jenis visa yang kini sudah ditawarkan di Malaysia, namun ia menjadi pilihan tambahan bagi menarik bakat berkemahiran tinggi untuk bekerja atau memulakan perniagaan di Malaysia.

Pada masa yang sama, kami juga akan memperluaskan inisiatif-inisiatif sedia ada seperti Malaysia Tech Entrepreneur Programme (MTEP) di bawah MDEC, yang menawarkan pas kepada bakat usahawan teknologi asing. Menerusi program ini, seramai lebih daripada 130 usahawan asing telahpun bertapak di Malaysia setakat ini. Bakat asing dengan syarikat pemula yang telahpun membuka peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara akan dipertimbangkan untuk pelanjutan visa istimewa.

b. Menubuhkan mekanisme pemantauan bagi menjejaki para pengasas dan bakat bernilai tinggi untuk mengekalkan mereka

Sehubungan dengan ini, sebuah pangkalan data akan dibina bagi menjejaki prestasi bakat-bakat yang telah dikenal pasti, bagi membolehkan agensi peneraju yang berkaitan untuk mengekalkan mereka secara proaktif menerusi pelanjutan visa.

Ini akan berfungsi serentak dengan penelitian terhadap kriteria kelayakan untuk visa usahawan, yang pada waktu ini kekurangan kriteria penilaian rapi bagi menentukan jenis bakat yang diingini.

3 Inovasi



Meningkatkan GERD/KDNK kepada 3.5% daripada 1.04% pada tahun 2018

Meningkatkan jumlah paten kepada 10,000 menjelang 2030, daripada 1,182 pada tahun 2020

Meningkatkan jumlah syarikat pemula kepada 5,000 menjelang 2025, daripada bilangan kini yang dianggarkan antara 800 hingga 1,200 syarikat pada tahun 2020

20 Terbaik dalam Hasil Pengetahuan & Teknologi, menurut Indeks Inovasi Global (GI) menjelang 2030, iaitu peningkatan daripada tempat ke-38 pada tahun 2020

Pada masa ini, masih terdapat jurang di antara peringkat pembentukan idea dan pengkomersialan. Syarikat pemula dalam ekosistem ini kurang menyedari kepentingan harta intelek, dan bagaimana ia dapat memperkukuhkan hasil ciptaan mereka serta meningkatkan keyakinan pelabur. Maka, walaupun syarikat pemula mendapat sokongan baik dari peringkat pembentukan idea, haluan seterusnya kepada pengkomersialan masih kurang jelas, lantas menyukarkan syarikat pemula untuk terus berkembang.

Oleh itu, kita harus menumpu kepada pengkomersialan, dengan mengenal pasti bidang-bidang yang mampu berkembang pesat. Salah satu daripadanya ialah teknologi mendalam (*Deep Tech*), di mana kemajuannya akan memperluaskan peluang inovasi yang dapat mempercepatkan pertumbuhan syarikat pemula.⁽⁴⁰⁾

Kemajuan teknologi mendalam bergantung kepada penemuan teknologi baru, kemampuan penyelidikan, dan IP yang berdaya maju. Dengan pelaburan yang semakin tinggi dalam bidang ini di peringkat global, kami menjangkakan teknologi mendalam akan menerajui pertumbuhan generasi unicorn yang seterusnya.

Justeru, intervensi ini akan membebaskan aliran inovasi dan pengetahuan yang akan menggalakkan penghasilan daripada teknologi mendalam dan merintis model perniagaan baru. Strategi yang disarankan akan mendorong inovasi teknologi mendalam untuk mencapai nilai pasaran dan memperjelaskan haluan kepada pengkomersialan, menerusi penambahbaikan program dan penglibatan semua pihak dalam ekosistem ini.

Strategi Keseluruhan:

Mendorong inovasi teknologi mendalam (*Deep Tech*) untuk mencapai nilai pasaran

FASA 1 - 3

INTERVENSI 7

Mempertingkatkan program inkubasi syarikat pemula teknologi mendalam yang diterajui korporat

Intervensi ini akan tertumpu kepada:

a. Mengetahui, membantu dan membimbing syarikat pemula teknologi mendalam di seluruh negara

Tujuannya ialah untuk menyokong idea keusahawanan yang berteraskan teknologi di peringkat awal penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mengurangkan risiko projek, dan memberikan sokongan pakar dalam menentukan daya maju (*viability*) idea tersebut.

b. Mempertingkatkan program untuk syarikat pemula teknologi mendalam

Kami akan mempertingkatkan program-program sedia ada seperti Virtual Deep Tech Bootcamp oleh MaGIC, yang memberikan peluang kepada para pengasas dalam bidang teknologi bagi menerokai idea mereka untuk penyelesaian perniagaan yang inovatif dan praktikal, seterusnya menghasilkan Produk Berdaya Maju Minimum (*Minimum Viable Product*) yang dapat dikomersialisasikan.

c. Mempercepatkan perkembangan syarikat pemula teknologi mendalam dengan mempertingkatkan penggunaan komersialnya menerusi R&D, dan meningkatkan paten teknologi mendalam terutamanya dalam sektor-sektor utama

Tumpuan kami ialah menggunakan teknologi untuk membangunkan sektor-sektor strategik seperti Pertanian, Pendidikan, Sains Hayat dan Tenaga (yang merupakan Pemacu Utama Pelan Hala Tuju ini). Penerokaan dan penggunaan teknologi dalam bidang-bidang ini akan berpandukan Rangka Kerja 10-10 MySTIE.

INTERVENSI 8

Mendorong pengkomersialan IP penyelidikan antara syarikat pemula dan korporat melalui kaedah “pembentangan songsang” (*reverse pitch*)

FASA 1 - 3

Intervensi ini akan tertumpu kepada:

a. Memperjelaskan haluan pengkomersialan IP penyelidikan dan mempertingkatkan kerjasama antara para penyelidik, syarikat pemula dan pihak korporat

Kaedah “pembentangan songsang” dapat menjadi jambatan antara peringkat penyelidikan kepada pengkomersialan.

Pada kebiasaannya, para penyelidik akan membentangkan potensi teknologi dan penyelesaian mereka kepada bakal pelanggan, tanpa memahami secara terperinci sama ada saranan-saranan mereka mampu menepati permasalahan dan keperluan pelanggan tersebut. Dengan kaedah “pembentangan songsang”, proses ini dimulakan dengan pihak korporat yang terlebih dahulu membentangkan permasalahan dan keperluan mereka kepada para penyelidik.

Oleh itu, penyelesaian yang dihasilkan akan tertumpu kepada permintaan yang sedia ada, dan mempercepatkan kemajuan syarikat pemula ke arah pengkomersialan. Kaedah ini merupakan pendekatan baru yang masih belum diuji dalam ekosistem ini.

b. Memanfaatkan program-program sedia ada untuk mendorong pengkomersialan

Kami akan memanfaatkan program-program sedia ada seperti IPHatch oleh MDEC, iaitu cabaran inovasi bebas serantau di mana pemenang cadangan model perniagaan terbaik akan dapat menggunakan paten daripada syarikat-syarikat seperti Nokia, Panasonic dan Ricoh. MYHackathon oleh Cradle Fund pula merupakan sebuah siri maraton godaman nasional, di mana setiap siri mempunyai “tema” tertentu yang dipadankan dengan set permasalahan pelbagai agar dapat membuahkan cadangan penyelesaian yang meluas dari setiap acara.



FASA 1 - 2

INTERVENSI 9

Menggalakkan percambahan syarikat pemula keluaran sampingan (*spin-off*) hasil daripada penyelidikan IPT, menerusi pemantapan dasar-dasar IPT

Intervensi ini bermatlamat untuk meningkatkan jumlah pendaftaran IP dengan:

a. Menilai semula dasar-dasar pengkomersialan IP di IPT

Ini akan memberikan struktur, kestabilan dan persekitaran yang baik bagi mendorong hasil penyelidikan ke arah penyelesaian perniagaan. Dasar-dasar ini akan menggalakkan ekosistem keusahawanan yang inklusif dengan strategi, sasaran dan objektif yang jelas. Ia juga akan menjadikan universiti sebagai pusat percambahan aktiviti keusahawanan dan menerapkan ekosistem syarikat pemula yang berteraskan penyelidikan.

b. Menyelaraskan dasar pengkomersialan IP di semua IPT

Proses pengkomersialan R&D dirumitkan dengan birokrasi, lantas menghambat para penyelidik daripada bertindak pantas untuk memanfaatkan peluang-peluang yang timbul. Menurut maklum balas yang diterima, dasar-dasar pengkomersialan di universiti dianggap ketat dan tidak teratur. Oleh itu, Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT 2021 - 2025) merupakan inisiatif penting untuk pelaksanaan intervensi ini, yang melibatkan penambahbaikan secara berterusan.

4 Dasar & Peraturan



Menarik sebanyak 5 unicorn tempatan atau asuhan tempatan menjelang 2025

20 Terbaik untuk "Memulakan Perniagaan" menurut Ranking Persaingan Dunia IMD, iaitu peningkatan daripada tempat ke-52 pada tahun 2020

Meningkatkan jumlah syarikat pemula kepada 5,000 menjelang 2025, daripada bilangan kini yang dianggarkan antara 800 hingga 1,200 syarikat pada tahun 2020

Malaysia telah melangkah maju dalam usahanya untuk memupuk persekitaran yang baik buat perkembangan perniagaan. Kita seharusnya kekal berdaya saing agar terus mara ke hadapan. Untuk ini, ekosistem kita memerlukan dasar-dasar yang mesra syarikat pemula, bagi mempermudah pemain ekosistem untuk menubuhkan syarikat, menjalankan operasi, melabur dan mencari dana - dengan pantas.

Strategi yang disarankan ini akan memberikan panduan jelas kepada dasar-dasar dan peraturan yang sedia ada.

Faktor kejayaan intervensi ini termasuklah memperbaiki respons peraturan kepada inovasi dan perubahan industri, dengan membolehkan pengubahsuaian peraturan di peringkat selepas *sandbox*. Sebuah pangkalan pusat untuk segala sumber yang berkaitan dengan syarikat pemula, yang menawarkan akses terbuka kepada maklumat dan pengetahuan, akan meningkatkan daya tarikan ekosistem kita. Kesemua pemain ekosistem perlu memberikan sokongan padu dan dedikasi untuk mengangkat Malaysia sebagai Hab Syarikat Pemula Global.

Strategi Keseluruhan: Memberi panduan jelas kepada dasar dan peraturan ekosistem

INTERVENSI 10

FASA 1

Menubuhkan portal maklumat bersepadu untuk syarikat pemula dengan bantuan untuk mempermudah perjalanan dalam ekosistem

Intervensi ini akan menyelaraskan maklumat untuk syarikat pemula dengan:

a. Mewujudkan perkhidmatan fasilitator mula-sampai-akhir bagi mempermudah proses untuk syarikat pemula di Malaysia

Cradle Fund, sebagai Penyelaras Pusat (*Focal Point*) akan bertanggungjawab untuk menguruskan pembangunan ekosistem syarikat pemula dan ditetapkan sebagai titik perhubungan tunggal bagi mendapatkan segala nasihat mengenai ekosistem syarikat pemula di Malaysia.

b. Pengumpulan data serta penubuhan kerangka pemantauan dan penilaian ekosistem, bagi membolehkan penilaian keputusan secara berasas dan tangkas

Secara umumnya, data syarikat pemula yang sedia ada masih bertaburan. Oleh itu, Penyelaras Pusat yang ditetapkan (sila rujuk kepada Struktur Tadbir Urus) akan bertanggungjawab untuk mengumpul dan menyelaraskan data mengenai bilangan syarikat pemula (termasuklah jumlah syarikat pemula baru setiap tahun, taburan kategori mereka, jenis penggunaan teknologi, peratusan syarikat pemula yang terdiri daripada Perniagaan Kecil dan Sederhana, serta kadar ketahanan syarikat pemula selepas 5 tahun); dan juga data mengenai jumlah pengasas dan bakat, seperti jumlah graduan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), peratusan pengasas yang terdiri daripada graduan STEM, dan sebagainya.

c. Mempertingkatkan kerjasama erat antara platform dan agensi bantuan yang sedia ada

Kerjasama antara platform dan inisiatif yang sedia ada akan dipertingkatkan lagi. Contohnya, Startup Campus ID yang diterajui MaGIC merupakan platform bimbingan mula-sampai-akhir, di mana pengguna dapat memilih pembelajaran berasaskan permainan yang akan membimbing perjalanan syarikat pemula mereka. MyStartup Hub (MSH) pula merupakan program pertapakan mudah (*soft-landing*) untuk syarikat pemula inovatif dari seluruh dunia bagi menubuhkan perniagaan mereka di Malaysia. Selain itu, Program GAIN oleh MDEC bertujuan untuk mendorong syarikat teknologi berpotensi tinggi yang berpusat di Malaysia untuk melangkah ke persada dunia.

INTERVENSI 11

FASA 1

Membolehkan peraturan yang mesra syarikat pemula melalui Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS)

Inisiatif NTIS telahpun membuahakan kejayaan awal, maka intervensi ini bertujuan untuk:

a. Mempertingkatkan dan memperkukuhkan inisiatif NTIS

